



Headline: Lelaki sedar ditipu selepas 93 transaksi
Publication/Portal: Harian Metro
Date: 17-July-18

Language: Malay
Section: Tengah
Page: 64

Lelaki sedar ditipu selepas 93 transaksi

Subang Jaya: Hanya tinggal RM30 di dalam akaun bank. Itu nasib menimpa ahli perniagaan sebaik menyedari dipercayai sindiket Macau Scam membabitkan jumlah kerugian RM600,000.

Ketua Polis Daerah Subang Jaya, Asisten Komisioner Mohammad Azlin Sadari berkata, mangsa yang berusia 50-an melakukan 93 transaksi kepada sindiket itu bermula 6 hingga 12 Julai lalu.

“Mangsa memindahkan wang dari dua akaun bank miliknya ke lima akaun diarahkan sindiket sepanjang tempoh itu,” katanya pada sidang media di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Subang Jaya, di sini, semalam.

Beliau berkata, mangsa sebelum itu menerima panggilan daripada seorang individu memperkenalkan diri sebagai pegawai bank dan memak-

lumkan kononnya mangsa gagal membayar tunggakan kad kredit.

“Individu itu memberitahu ada pihak yang membuat kad kredit tiruan menggunakan namanya.

“Dia dinasihatkan menghubungi ‘pegawai polis’ sebelum diarah merujuk masalah itu kepada seorang lagi individu memperkenalkan diri sebagai pegawai Bank Negara.

“Suspek yang menyerang sebagai pegawai Bank Negara itu mengarahkan mangsa memindahkan wang ke dalam akaun diberikan kononnya bagi menyelamatkan semua simpanannya itu,” katanya.

Bagaimanapun, mangsa menyedari ditipu apabila suspek gagal dihubungi selepas mangsa membuat sebanyak 93 kali pemindahan wang.